



17 Disember 2020
17 December 2020
P.U. (A) 361

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2020

ACCESS TO BIOLOGICAL RESOURCES AND BENEFIT SHARING REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI
DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2020

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Jawatankuasa Penasihat
3. Badan penasihat
4. Permohonan bagi permit
5. Pemberitahuan kelulusan atau penolakan
6. Pengeluaran permit
7. Maklumat rahsia
8. Laporan pelupusan sumber biologi
9. Perjanjian perkongsian faedah
10. Keizinan termaklum awal
11. Tuntutan yang berikutnya
12. Langkah-langkah untuk memantau dan mengesan
13. Pemberitahuan permohonan bagi paten
14. Langkah-langkah untuk mencegah penggunaan atau pengkomersialan tanpa permit atau yang seumpamanya
15. Kewajipan untuk menyenggara daftar
16. Kewajipan penyelidikan untuk merekodkan butir-butir

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI
DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [*Akta 795*], Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 Disember 2020.

Jawatankuasa Penasihat

2. (1) Jawatankuasa Penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen 11(1) Akta hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh dan tidak lebih daripada lima belas anggota.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah melantik Pengerusi bagi Jawatankuasa Penasihat dalam kalangan anggota Jawatankuasa Penasihat.

(3) Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan.

(5) Semua mesyuarat Jawatankuasa Penasihat hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, semasa ketiadaan Pengerusi, mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat.

(6) Jawatankuasa Penasihat boleh mengundang mana-mana orang dengan kepakaran berkaitan untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud menasihati Jawatankuasa itu tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(7) Jawatankuasa Penasihat boleh mengawal selia tatacaranya sendiri yang berhubungan dengan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat.

(8) Jawatankuasa Penasihat hendaklah bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan.

Badan penasihat

3. (1) Badan penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(2) Akta hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah melantik anggota badan penasihat dalam kalangan wakil masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang dinamakan oleh masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan.

(3) Badan penasihat boleh memilih pengerusi dalam kalangan anggotanya.

(4) Badan penasihat boleh mengawal selia tatacaranya sendiri yang berhubungan dengan mesyuarat badan penasihat.

(5) Badan penasihat boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat badan penasihat bagi maksud menasihati badan penasihat itu tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan.

(6) Anggota badan penasihat hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam instrumen pelantikannya dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(7) Pihak Berkuasa Kompeten boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota badan penasihat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(8) Mana-mana anggota badan penasihat boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada Pihak Berkuasa Kompeten.

Permohonan bagi permit

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi di bawah seksyen 12 Akta dan permit bagi maksud bukan komersial di bawah seksyen 15 Akta hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jika permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) mematuhi peraturan ini dan lengkap, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh permohonan itu diterima, menyampaikan kepada pemohon itu pengakuteraan penerimaan permohonan itu.

(3) Jika permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) tidak mematuhi peraturan ini atau tidak lengkap, Pihak Berkuasa Kompeten boleh—

(a) memberitahu pemohon itu tentang penolakannya untuk memproses permohonan itu; atau

(b) mengembalikan permohonan itu kepada pemohon dan mengarahkan pemohon itu untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang perlu untuk mematuhi peraturan ini, untuk melengkapkan permohonan itu atau untuk membuat pindaan yang perlu kepada permohonan itu.

(4) Bagi maksud perenggan (3)(b), pemohon hendaklah, selepas mematuhi peraturan ini, melengkapkan atau meminda permohonan itu, mengemukakan semula permohonan itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten dalam masa empat belas hari dari tarikh permohonan itu dikembalikan kepada pemohon atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(5) Permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik jika pemohon itu gagal untuk mematuhi subperaturan (4).

(6) Walau apa pun subperaturan (4), pemohon itu boleh membuat permohonan baharu.

(7) Bayaran fi di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Kompeten yang berkaitan di kawasan di mana akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu dicadangkan untuk dijalankan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten itu dan tidak boleh dikembalikan kepada pemohon.

Pemberitahuan kelulusan atau penolakan

5. (1) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang kelulusan atau penolakan permohonan itu—

(a) berhubung dengan permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi di bawah seksyen 12 Akta, dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh pengakuteraan penerimaan permohonan itu; dan

(b) berhubung dengan permit bagi maksud bukan komersial di bawah seksyen 15 Akta, dalam masa enam puluh hari dari tarikh pengakuteraan penerimaan permohonan itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pihak Berkuasa Kompeten boleh melanjutkan tempoh bagi pemberitahuan itu tetapi pelanjutan itu tidak boleh melebihi enam puluh hari dari tarikh tamat tempoh sembilan puluh hari atau enam puluh hari,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberitahu pemohon tentang pelanjutan itu.

Pengeluaran permit

6. (1) Apabila suatu permohonan di bawah seksyen 12 atau 15 Akta diluluskan, permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten di bawah seksyen 13 dan 16 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam Borang 2 Jadual Pertama.

(2) Permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten—

- (a) hendaklah tertakluk kepada syarat yang melarang pemegang permit daripada meletakkan sumber biologi yang diakses di mana-mana repositori antarabangsa, termasuk mana-mana bank data tanpa persetujuan bertulis Pihak Berkuasa Kompeten terlebih dahulu; dan
- (b) boleh tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - (i) pemegang permit hendaklah membayar suatu peratusan daripada apa-apa faedah kewangan yang diperoleh di bawah perjanjian perkongsian faedah yang hendaklah didepositkan ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 22(4) Akta;
 - (ii) pemegang permit hendaklah mengiktiraf pemberi sumber atau asalan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses itu dalam mana-mana penerbitan;
 - (iii) akses kepada sumber biologi hendaklah terhad kepada kuantiti atau saiz sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten;
 - (iv) pemegang permit hendaklah menyerahkan sampel sumber biologi yang diakses itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten atau

mana-mana repositori sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten;

(v) pemegang permit tidak boleh mengalih keluar dari Malaysia keseluruhan atau sebahagian sumber biologi yang diakses itu tanpa persetujuan bertulis Pihak Berkuasa Kompeten terlebih dahulu;

(vi) pemegang permit hendaklah mengaku janji untuk mengambil segala langkah yang perlu—

(A) bagi pemuliharaan dan penggunaan secara mampan sumber biologi yang diakses itu dan ekosistemnya;

(B) untuk mengawal, mengurangkan atau meremedikan apa-apa kesan buruk terhadap alam sekitar akibat daripada akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu; atau

(C) untuk melindungi pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;

(vii) jika pemegang permit adalah dari luar Malaysia, pemegang permit itu hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Kompeten butir-butir tentang pengantara yang diberi kuasa di Malaysia;

(viii) pemegang permit hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Kompeten—

(A) laporan status berkala tentang penyelidikan dan pembangunan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses itu; atau

- (B) senarai kawasan di mana sampel sumber biologi itu akan diakses, termasuk rujukan bagi latitud dan longitud;
- (ix) pemegang permit hendaklah memberi Pihak Berkuasa Kompeten butir-butir tentang tempat atau institusi sama ada di dalam atau di luar Malaysia di mana penyelidikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu akan dijalankan;
- (x) pemegang permit hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengakses apa-apa laporan, data, kajian atau hasil apa-apa penyelidikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;
- (xi) pemegang permit hendaklah menjalankan apa-apa kajian tentang kesan terhadap budaya termasuklah kesan buruk terhadap cara hidup dan punca pencarian masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan akibat daripada akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu; atau
- (xii) apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “repositori” ertinya suatu tempat di mana sumber biologi termasuk data berhubung dengan sumber biologi itu disimpan atau diletakkan.

Maklumat rahsia

7. (1) Mana-mana orang yang membuat permohonan bagi permit di bawah seksyen 12 atau 15 Akta boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Kompeten bagi layanan

kerahsiaan mana-mana maklumat yang diberi kepada Pihak Berkuasa Kompeten yang berhubungan dengan permohonan itu.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten boleh membenarkan kerahsiaan berdasarkan kriteria dalam subperaturan (3) dan jika kerahsiaan dibenarkan, maklumat itu tidak boleh diumumkan.

(3) Dalam menentukan sama ada kerahsiaan boleh dibenarkan, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengambil kira kriteria yang berikut:

- (a) maklumat itu tidak diketahui pada umumnya dalam kalangan, atau boleh diakses dengan mudah oleh, mana-mana orang dalam lingkungan itu yang biasanya berurusan dengan jenis maklumat yang hendak dijadikan rahsia;
- (b) maklumat itu mempunyai nilai perdagangan disebabkan ia adalah rahsia; dan
- (c) langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk merahsiakan maklumat itu.

(4) Kecuali bagi maksud Peraturan-Peraturan ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten—

- (a) tiada anggota Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, Pihak Berkuasa Kompeten, Jawatankuasa Penasihat atau badan penasihat, atau jawatankuasa atau mana-mana pekerja atau ejen Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten, atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, Pihak Berkuasa Kompeten, Jawatankuasa Penasihat atau badan penasihat, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatannya atau pelantikannya, boleh menzahirkan

apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subperaturan (1);
dan

- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Laporan pelupusan sumber biologi

8. (1) Laporan pelupusan sumber biologi yang disebut dalam subseksyen 27(2) Akta hendaklah diberikan oleh pemegang permit kepada Pihak Berkuasa Kompeten dalam masa dua hari selepas pelupusan sumber biologi itu.

(2) Mana-mana pemegang permit yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Perjanjian perkongsian faedah

9. (1) Perjanjian perkongsian faedah yang dibuat antara pemohon bagi suatu permit dengan pemberi sumber di bawah seksyen 22 Akta hendaklah secara bertulis dan jika terpakai, hendaklah termasuk yang berikut:

(a) butir-butir tentang pihak-pihak kepada perjanjian itu—

- (i) jika pihak itu merupakan seorang individu, nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
- (ii) jika pihak itu merupakan firma atau pertubuhan perbadanan, nama berdaftar, alamat berdaftar atau alamat perniagaan utama firma atau pertubuhan perbadanan itu dan jika terpakai, nombor

pendaftaran firma atau pertubuhan perbadanan itu dan alamat di dalam Malaysia;

(iii) jika pihak itu merupakan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, jabatan kerajaan, agensi atau institusi pengajian tinggi awam, nama dan alamat pejabat; atau

(iv) jika pihak itu merupakan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, nama organisasi, badan atau wakil mereka;

(b) butir-butir tentang masa dan kekerapan kemasukan ke tempat akses;

(c) perihal sumber biologi yang hendak diakses termasuk nama spesies, atau tahap kategori takson yang paling rendah, yang dalamnya sumber biologi itu tergolong, jika diketahui;

(d) kuantiti sumber biologi yang boleh dikeluarkan dari tempat akses;

(e) tujuan akses itu sama ada bagi maksud komersial atau komersial berpotensi;

(f) kegunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;

(g) pemilikan data dan hasil apa-apa penyelidikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;

(h) butir-butir tentang faedah kewangan dan faedah bukan kewangan;

(i) penangguhan perkongsian faedah kewangan dan faedah bukan kewangan sehingga apa-apa produk dibangunkan dan dikomersialkan

daripada penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu dan tempoh perkongsian faedah;

- (j) langkah-langkah bagi pemuliharaan biodiversiti;
- (k) syarat-syarat berhubung dengan hak harta intelek;
- (l) butir-butir tentang asalan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi seperti dokumen saintifik atau dokumen awam yang lain;
- (m) butir-butir tentang pemberi sumber pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu; dan
- (n) kewajipan pihak-pihak untuk membuat perjanjian baharu atau merunding semula perjanjian sedia ada jika terdapat apa-apa perubahan kegunaan berhubung dengan sumber biologi itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(h)—

- (a) faedah kewangan boleh termasuk yang berikut:
 - (i) fi sama rata;
 - (ii) bayaran pendahuluan;
 - (iii) fi bagi setiap sampel yang dikumpul atau yang dikehendaki selainnya;
 - (iv) apa-apa bayaran kewangan mengikut nilai atau nilai jualan potensi atas produk akhir, termasuk bayaran royalti minimum;
 - (v) fi lesen;

- (vi) bayaran mengikut pencapaian;
- (vii) pembiayaan penyelidikan;
- (viii) bayaran gaji; atau
- (ix) pembiayaan modal perniagaan;

(b) faedah bukan kewangan boleh termasuk yang berikut:

- (i) akses kepada apa-apa data dan koleksi penyelidikan tentang apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
- (ii) perkongsian hasil apa-apa penyelidikan tentang apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
- (iii) pemindahan apa-apa teknologi dan pengetahuan kepada pemberi sumber di bawah terma yang adil dan terbaik, termasuk berkenaan konsesi dan terma keutamaan;
- (iv) penyertaan mana-mana institusi tempatan atau individu dalam aktiviti akses dan dalam program penyelidikan dan pembangunan;
- (v) kerjasama dalam apa-apa program penyelidikan dan pembangunan;
- (vi) kerjasama dan sumbangan dalam program latihan dan program membina keupayaan;
- (vii) pengiktirafan asalan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;

- (viii) sumbangan kelengkapan;
- (ix) peluang pekerjaan;
- (x) akses kepada produk dan teknologi yang dibangunkan daripada penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses itu;
- (xi) inventori spesies;
- (xii) pengiktirafan dan promosi bagi pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
- (xiii) pengarang bersama dalam penerbitan;
- (xiv) pengiktirafan atau pemilikan bersama hak harta intelek;
- (xv) penyelidikan berfokus ke arah keperluan utama seperti keselamatan kesihatan dan keselamatan makanan;
- (xvi) faedah keselamatan makanan dan faedah keselamatan punca pencarian.

(3) Perjanjian perkongsian faedah hendaklah berkuat kuasa selepas pengeluaran permit untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di bawah seksyen 13 atau 16 Akta.

Keizinan termaklum awal

10. Bagi maksud memperoleh keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan di bawah seksyen 23 Akta, pemohon hendaklah—

- (a) memperoleh keizinan itu tanpa apa-apa paksaan, tekanan tak wajar atau pendorong;

- (b) memperoleh keizinan itu sebelum pemulaan apa-apa aktiviti akses; dan
- (c) menzahirkan semua maklumat yang berkaitan berhubung dengan akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu kepada masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan.

Tuntutan yang berikutnya

11. (1) Mana-mana wakil atau organisasi mana-mana masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang mendakwa merupakan pemegang yang sah bagi pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di bawah subseksyen 23(7) Akta (selepas ini disebut sebagai “masyarakat yang berikutnya”) boleh mengemukakan tuntutan itu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Tuntutan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah menyatakan tujuan tuntutan itu adalah untuk berkongsi faedah di bawah perjanjian perkongsian faedah yang dibuat antara pemegang permit dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang daripadanya keizinan termaklum awal telah diperoleh dan perjanjian perkongsian faedah telah dibuat (selepas ini disebut sebagai “masyarakat pertama”).

(3) Setelah menerima tuntutan yang disebut dalam subperaturan (1), Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah—

- (a) menyampaikan sesalinan tuntutan itu kepada masyarakat pertama dalam masa empat belas hari selepas tuntutan daripada masyarakat yang berikutnya itu diterima; dan
- (b) menghendaki masyarakat pertama untuk menjawab tuntutan itu dalam masa tiga puluh hari selepas salinan tuntutan daripada Pihak Berkuasa Kompeten itu diterima.

(4) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengadakan pendengaran tentang tuntutan itu dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh tuntutan itu disampaikan kepada masyarakat pertama di bawah perenggan (3)(a).

(5) Jika masyarakat pertama menjawab dan mengakui tuntutan itu, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah menghendaki masyarakat yang berikutnya dan masyarakat pertama untuk memberikan hujahan bertulis mereka tentang kuantum atau sifat faedah yang hendak dikongsi antara mereka.

(6) Jika masyarakat pertama tidak menjawab tuntutan itu, atau menjawab tetapi mempertikaikan tuntutan itu, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengadakan pendengaran dan menyampaikan notis pendengaran yang menyatakan tarikh, masa dan tempat bagi pendengaran itu kepada masyarakat yang berikutnya dan masyarakat pertama.

(7) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah, semasa pendengaran, menimbang—

(a) kesahan tuntutan itu; dan

(b) kuantum atau sifat faedah yang mungkin berhak bagi masyarakat yang berikutnya.

(8) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas hujahan bertulis pihak-pihak diterima di bawah subperaturan (5) atau selepas mendengar pihak-pihak di bawah subperaturan (6), mengikut mana-mana yang berkenaan, memutuskan tentang perkara itu dan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memberitahu masyarakat yang berikutnya dan masyarakat pertama tentang keputusannya.

(9) Bagi maksud peraturan ini, Pihak Berkuasa Kompeten—

(a) boleh melanjutkan had masa bagi melakukan apa-apa tindakan, dengan mengambil kira perbezaan sosio-budaya dan bahasa serta tahap literasi masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, dan hal keadaan yang lain;

- (b) hendaklah memastikan pada setiap masa bahawa masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan memahami maksud dan implikasi apa-apa komunikasi atau prosiding; dan
- (c) hendaklah mendapatkan nasihat badan penasihat dan mengambil kira nasihat itu dalam pertimbangannya.

Langkah-langkah untuk memantau dan mengesan

12. (1) Pejabat atau pihak berkuasa yang ditentukan sebagai tempat pemeriksaan di bawah perenggan 30(2)(a) Akta hendaklah seperti yang berikut:

- (a) Perbadanan Harta Intelek Malaysia;
- (b) Bahagian Regulatori Farmasi Negara; dan
- (c) mana-mana institusi penyelidikan awam, institusi pengajian tinggi awam atau institusi awam lain yang membiayai aktiviti penyelidikan dan pembangunan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan.

(2) Mana-mana orang yang berurusan dengan tempat pemeriksaan hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat berkaitan yang berhubungan dengan penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi kepada tempat pemeriksaan yang termasuklah—

- (a) negara di mana sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu telah diakses;
- (b) pemberi sumber bagi sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu;

- (c) jika keizinan untuk mengakses dikehendaki oleh undang-undang negara di mana sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu diakses, keterangan tentang keizinan negara itu dalam apa-apa bentuk seperti permit, perakuan atau yang seumpamanya; dan
- (d) jika perjanjian perkongsian faedah dikehendaki oleh undang-undang negara di mana sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu diakses, keterangan tentang penetapan perjanjian itu telah dibuat.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Pemberitahuan permohonan bagi paten

13. Pemberitahuan suatu permohonan bagi paten oleh mana-mana orang yang memohon bagi paten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan di bawah subseksyen 31(1) Akta hendaklah dalam Borang 3 Jadual Pertama.

Langkah-langkah untuk mencegah penggunaan atau pengkomersialan tanpa permit atau yang seumpamanya

14. (1) Langkah-langkah untuk mencegah penggunaan atau pengkomersialan di dalam Malaysia berkenaan dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, yang tidak disertakan dengan permit atau yang seumpamanya yang disebut dalam subseksyen 34(2) Akta hendaklah seperti yang berikut:

- (a) mengendalikan pemeriksaan secara rawak ke atas mana-mana produk yang telah dikomersialkan untuk memastikan sama ada produk itu dihasilkan daripada penggunaan apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;

- (b) menyediakan perkiraan keselamatan di mana-mana tempat atau kawasan di mana sumber biologi boleh diakses; dan
- (c) menggalakkan peningkatan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan mematuhi Akta dan Peraturan-Peraturan berhubung dengan pemuliharaan dan pembangunan biodiversiti secara mampan.

(2) Langkah-langkah yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dijalankan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(3) Bagi maksud mengendalikan pemeriksaan secara rawak yang disebut dalam perenggan (1)(a), Pihak Berkuasa Kompeten boleh menghendaki pengguna mana-mana sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau rekod berhubung dengan penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu.

(3) Bagi maksud menyediakan perkiraan keselamatan yang disebut dalam perenggan (1)(b), Pihak Berkuasa Kompeten boleh meminta bantuan daripada masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan untuk memantau aktiviti yang dijalankan di tempat atau kawasan mereka, dan untuk melaporkan apa-apa aktiviti yang mencurigakan kepada Pihak Berkuasa Kompeten.

Kewajipan untuk menyenggara daftar

15. (1) Mana-mana institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan di dalam Malaysia yang menjalankan penyelidikan melibatkan penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di bawah seksyen 18 Akta hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar yang hendaklah mengandungi—

- (a) butir-butir tentang orang yang terlibat dalam penyelidikan itu;

- (b)* butir-butir tentang pertukaran sumber antara penyelidik di dalam institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan;
- (c)* butir-butir tentang pertukaran sumber antara institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan di dalam Malaysia; dan
- (d)* butir-butir tentang orang atau institusi yang mengakses sumber biologi yang disebut dalam perenggan 18(c) Akta bagi maksud menjalankan atau meneruskan penyelidikan bagi maksud bukan komersial.

(2) Daftar yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(3) Mana-mana institusi atau agensi yang tidak mematuhi subperaturan (1) atau (2) telah melakukan suatu kemungkiran di bawah peraturan ini.

(4) Jika Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan berpendapat bahawa institusi atau agensi itu telah melakukan suatu kemungkiran dan adalah wajar untuk mengambil tindakan terhadap institusi atau agensi itu, Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan boleh mengambil tindakan yang berikut:

- (a)* bagi kesalahan pertama, memberikan notis amaran atau teguran bertulis kepada institusi atau agensi itu dan menghendaki institusi atau agensi yang mungkir itu untuk mematuhi atau melakukan apa-apa tindakan untuk memastikan pematuhan peraturan ini; atau
- (b)* bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, menyiarkan nama institusi atau agensi itu sebagai telah melakukan kemungkiran dalam laman sesawang rasminya.

Kewajipan penyelidik untuk merekodkan butir-butir

16. (1) Mana-mana penyelidik yang menjalankan apa-apa penyelidikan bagi maksud bukan komersial yang disebut dalam perenggan 18(a) Akta hendaklah merekodkan semua butir penyelidikannya dalam daftar institusi atau agensi.

(2) Mana-mana penyelidik yang tidak mematuhi subperaturan (1) telah melakukan suatu kemungkiran di bawah peraturan ini.

(3) Jika Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan berpendapat bahawa penyelidik itu telah melakukan suatu kemungkiran dan adalah wajar untuk mengambil tindakan terhadapnya, Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan boleh mengambil tindakan yang berikut:

- (a) bagi kesalahan pertama, memberikan notis amaran atau teguran bertulis kepada penyelidik itu menghendaki penyelidik yang mungkir itu untuk mematuhi atau melakukan apa-apa tindakan untuk memastikan pematuhan peraturan ini; atau
- (b) bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, menyiarkan nama penyelidik itu sebagai telah melakukan kemungkiran dalam laman sesawang rasminya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 4(1), 6(1) dan peraturan 13]

BORANG 1

AKTA AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN
FAEDAH 2020

PERMOHONAN BAGI PERMIT

BAHAGIAN A

Butir-butir pemohon (Individu)	
1. Nama penuh:	
2. *No. kad pengenalan/No. passport	
3. Alamat tetap:	
4. Alamat surat-menyurat: (jika berlainan daripada di atas)	
5. Jawatan:	
6. Institusi/Organisasi:	
7. No. telefon (rumah): (pejabat):	
8. No. faks (pejabat):	
9. E-mel:	
10. *Kelayakan atau pengalaman pemohon yang berkaitan:	
Orang lain yang terlibat dalam projek	
1. Nama penuh:	
2. No. kad pengenalan/No. passport	
3. Alamat:	
4. No. telefon:	

[*Sila lampirkan dokumen pengesahan yang berkaitan]

Butir-butir pemohon (Firma/Pertubuhan perbadanan/Institusi/Organisasi)	
1. Nama berdaftar:	
2. No. pendaftaran:	
3. Alamat berdaftar:	
4. Alamat perniagaan: (jika berlainan daripada di atas)	
5. Tarikh penubuhan firma/pertubuhan perbadanan/institusi/organisasi:	
6. *Profil firma/pertubuhan perbadanan (jika berkenaan)	
7. Laman web:	
8. No. telefon:	
9. No. faks (pejabat):	
10. E-mel:	

[*Sila lampirkan dokumen pengesahan yang berkaitan]

BAHAGIAN B

Butir-butir projek	
1. Tajuk projek:	
2. Tujuan permohonan:	☐ bagi maksud KOMERSIAL ATAU KOMERSIAL BERPOTENSI (Seksyen 12) atau ☐ bagi maksud BUKAN KOMERSIAL (Seksyen 15)
3. Objektif projek:	
4. Rakan usaha sama tempatan:	(bagi maksud bukan komersial sahaja)
Institusi/Organisasi:	
Alamat berdaftar:	
Alamat perniagaan:	
Alamat surat-menyurat: (jika berlainan daripada di atas)	
No. pendaftaran:	
Laman sesawang:	
Orang untuk dihubungi:	

No. telefon (rumah): (pejabat):	
No. faks (pejabat):	
E-mel:	

[*Sila lampirkan dokumen pengesahan yang berkaitan]

BAHAGIAN C

Butir-butir pengumpulan sumber biologi

Pengenalpastian sumber biologi *(Jika tidak diketahui, sila berikan perihal tentang kaedah pensampelan, kuantiti dan jenis organisma yang akan dikumpul menggunakan kaedah tersebut):*

Nama biasa	Takson (kepada tahap takson paling spesifik yang diketahui)	Bahagian organisma yang dikumpul (jika diketahui)	Isi padu
1. Bila pengumpulan akan berlaku		Dari: Hingga:	
2. Di mana pengumpulan akan berlaku		Lokasi: Latitud/Longitud: <i>(*Peta/Pelan dilampirkan)</i>	
3. Adakah anda berhasrat untuk mengumpul semula di lokasi ini		☐ Ya ☐ Tidak	
Jika ya, bila dan berapa kekerapan			
4. Bagaimanakah pengumpulan itu akan dijalankan		Kapal/Kenderaan: Kelengkapan:	
5. Sama ada mana-mana pengumpulan sumber biologi itu membahayakan apa-apa komponen biodiversiti dan risiko yang mungkin timbul daripada pengumpulan itu			
6. Sama ada mana-mana pengumpulan sumber biologi mempunyai kesan buruk terhadap masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan		☐ Ya ☐ Tidak	
7. Kaedah yang akan digunakan untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar (termasuk hidupan liar yang			

dilindungi/hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya/spesis terjadual*) di lokasi pengumpulan	
8. Kaedah yang akan digunakan untuk meminimumkan kesan terhadap sosial berhubung dengan butiran 7	
9. Di mana penyelidikan dan pembangunan akan dijalankan	
10. Kegunaan sumber biologi itu	
11. Kegunaan sumber biologi yang dicadangkan untuk dibuat daripada pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi	
12. Kenal pasti bagaimana akses kepada sumber biologi ini akan memberi faedah kepada pemuliharaan biodiversiti. Nyatakan apa-apa faedah yang mungkin bagi kawasan akses	
13. Cadangan lokasi bagi mendeposit sampel pendua	
14. Semua permohonan bagi permit lain berhubung dengan sumber biologi dan/atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang sama (di Negeri lain atau kawasan Persekutuan di Malaysia)	
15. *Butir-butir mengenai apa-apa permit lain yang diberikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang sama (di Negeri lain atau kawasan Persekutuan di Malaysia)	
16. *Butir-butir mengenai keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan	
17. *Butir-butir mengenai perjanjian perkongsian faedah dengan pemberi sumber	

[*Sila lampirkan dokumen pengesahan yang berkaitan]

* Senarai yang dinyatakan dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].

BAHAGIAN D

Akuan

Saya/Kami mengakui maklumat yang diberikan dalam borang permohonan adalah benar dan tepat berdasarkan pengetahuan saya/kami dan saya/kami akan bertanggungjawab bagi mana-mana maklumat yang tidak benar atau tidak betul.

Tarikh:

.....
Tandatangan pemohon

BORANG 2

AKTA AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN
FAEDAH 2020

PERMIT

[NAMA PIHAK BERKUASA KOMPETEN]

ABSCH Pengecam Unik:

Rujukan:

Pemberi sumber:

Pemegang permit (penerima):

Keizinan termaklum awal diperoleh (jika perlu):

Perkara subjek atau sumber biologi:

Pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi (jika ada):

Perjanjian perkongsian faedah ditetapkan (jika perlu): Ya/Tidak

Pengesahan bahawa keizinan termaklum awal telah diperoleh:

Kegunaan sumber biologi/pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi:

Farmaseutikal/Nutraseutikal/Kosmetik/Makanan/lain-lain.....(sila nyatakan)

Terma dan syarat khusus:

.....
.....

Tarikh dikeluarkan:

Pihak berkuasa yang mengeluarkan:

Pihak Berkuasa Kompeten

BORANG 3

AKTA AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

PERATURAN-PERATURAN AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN
FAEDAH 2020

PEMBERITAHUAN PERMOHONAN BAGI PATEN

Butir-butir pemohon bagi paten (Individu)	
1. Nama:	
2. No. kad pengenalan/No. passport	
3. Alamat tetap:	
4. Alamat surat-menyurat: <i>(jika berlainan daripada di atas)</i>	
5. Jawatan:	
6. Institusi/Organisasi:	
7. No. telefon (rumah): (pejabat):	
8. No. faks (pejabat):	
9. E-mel:	

Butir-butir pemohon bagi paten (Firma/Pertubuhan perbadanan/Institusi/Organisasi)	
1. Nama berdaftar:	
2. No. pendaftaran:	
3. Alamat berdaftar:	
4. Alamat perniagaan: <i>(jika berlainan daripada di atas)</i>	
5. Tarikh penubuhan firma/pertubuhan perbadanan/institusi/organisasi:	
6. Laman sesawang:	
7. No. telefon:	
8. No. faks (pejabat):	
9. E-mel:	

BAHAGIAN B

Butir-butir permit	
1. Pengecam unik:	
2. Rakan usaha sama tempatan:	
3. Perkara subjek atau sumber biologi:	
4. Pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi:	
5. Klausula berkaitan dengan hak harta intelek dalam perjanjian perkongsian faedah:	
6. Klausula berkaitan dengan hak harta intelek dalam permit:	

BAHAGIAN C

Butir-butir hak harta intelek	
1. Hak harta intelek yang dipohon:	
2. Negara:	
3. Sumber biologi yang digunakan:	
4. Pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang digunakan:	
5. Lokasi geografi di mana sumber biologi diakses:	
6. Lokasi geografi di mana pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi diakses:	

BAHAGIAN D**Akuan**

Saya/Kami mengakui maklumat yang diberikan dalam borang permohonan adalah benar dan tepat berdasarkan pengetahuan saya/kami dan saya/kami akan bertanggungjawab bagi mana-mana maklumat yang tidak benar atau tidak betul.

Tarikh:

.....
Tandatangan pemohon

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 4(1)]

FI

Peruntukan	Permohonan	Fi
Seksyen 12	Akses kepada sumber biologi bagi maksud komersial atau komersial berpotensi	RM500 bagi pemohon tempatan US\$500 bagi pemohon asing
Seksyen 15	Akses kepada sumber biologi bagi maksud bukan komersial	RM100 bagi pemohon tempatan US\$100 bagi pemohon asing

Dibuat 16 Disember 2020
[KETSA 600-2/1/31/5; PN(PU2)749]

DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

ACCESS TO BIOLOGICAL RESOURCES AND BENEFIT SHARING ACT 2017

ACCESS TO BIOLOGICAL RESOURCES AND BENEFIT SHARING REGULATIONS 2020

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Advisory Committee
3. Advisory body
4. Application for permit
5. Notification of approval or refusal
6. Issuance of permit
7. Confidential information
8. Report of disposal of biological resource
9. Benefit sharing agreement
10. Prior informed consent
11. Subsequent claim
12. Measures for monitoring and tracking
13. Notification of application for patent
14. Measures for preventing use or commercialisation without permit or its equivalent
15. Duty to maintain register
16. Duty of researcher to record particulars

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

ACCESS TO BIOLOGICAL RESOURCES AND BENEFIT SHARING ACT 2017

ACCESS TO BIOLOGICAL RESOURCES AND BENEFIT
SHARING REGULATIONS 2020

